

SULIT

www.lamanbahasa.wordpress.com

1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Ogos 2014
2 ½ jam



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LAKI-LAKI METHODIST
JALAN HANG JEBAT, 50150 KUALA LUMPUR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2014

BAHASA MELAYU
KERTAS 2 (1103/2)

Dua jam tiga puluh minit

Pengubal : En. Khairul Izhar b. Jaafar

Disemak oleh

Disahkan oleh

.....
(EN. MOHD ZIKRI IHSAN B.
MOHAMAD ZABHI)

.....
(PN. JAMILAH BT.
MOHAMAD KOYA)

.....
(EN. WONG CHEE
KHEON)

Ketua Panitia B. Melayu

Guru Kanan Bahasa

Pengetua

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan :

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **sebab-sebab jasa guru perlu dikenang dan cabaran yang dihadapi oleh pendidik**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Sambutan Hari Guru diadakan saban tahun bagi mengingatkan kita betapa besarnya jasa dan pengorbanan golongan pendidik. Sebenarnya, semua pihak harus bersama-sama menghargai jasa guru. Bagi pelajar yang masih di bangku sekolah, guru dianggap sebagai ibu bapa kedua kerana guru mendidik pelajar supaya mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan. Guru turut berperanan menyemarakkan nilai murni, kasih sayang, dan akhlak mulia di samping mengasuh pelajar menghindari keburukan agar pelajar lahir sebagai insan yang mulia.

Pelajar harus menghormati guru dan mematuhi tunjuk ajar serta nasihat guru sebagaimana mereka mentaati ibu bapa. Walaupun sesekali pelajar terpaksa dihukum tetapi tindakan itu demi kebaikan mereka sendiri. Dalam hubungan ini, guru dikatakan melakukan sesuatu yang mulia demi kebaikan pelajarannya. Bagi mereka yang sudah meninggalkan alam persekolahan, jasa bekas guru tetap melekat dalam ingatan. Yang budiman pula tidak dapat menafikan bahawa hasil didikan guru telah meletakkan mereka pada kedudukan sekarang. Sebaliknya jika mereka gagal, hal itu adalah salah sendiri kerana tidak mahu menurut nasihat guru. Segala kenangan sewaktu berada di sekolah kerap bermain dalam fikiran sehingga muncul keinsafan betapa besarnya jasa guru. Bagi ibu bapa pula, jika mereka sanggup menyerahkan anak kepada guru, tiada sebab mereka curiga akan keikhlasan guru. Lagipun, tidak ada guru yang mahu melihat pelajarannya gagal. Sebaliknya, merekalah orang yang paling bangga apabila pelajar mencapai kejayaan.

Guru bukanlah manusia yang suka mengungkitkan segala hal tentang pengorbanan mereka. Para pendidik ini mengikhlasakan pengorbanan mereka sebagai sumbangan bakti kepada anak bangsa. Oleh sebab itu, mereka jarang-jarang *terasa hati* jika ada bekas pelajar yang sudah berjaya yang tidak mempedulikan mereka. Perkara ini ada hubungannya dengan sikap guru yang tidak mengharapkan sebarang balasan daripada bekas pelajar. Lazimnya guru tidak mudah lupa akan bekas pelajarannya, sebaliknya pelajarlah yang sering lupa akan jasa dan pengorbanan guru mereka. Dalam keadaan tertentu, sikap memuja dan mengagungkan golongan tertentu mendorong mereka alpa terhadap golongan yang lebih banyak berjasa kepada mereka.

Selaku manusia yang bermaruah, kita harus bertanya kepada diri sendiri, adakah kita masih ingat kepada orang yang pernah mengajar kita suatu masa dahulu? Masihkah kita menelefon atau menziarahi mereka? Pernahkah kita mendoakan kesejahteraan mereka? Kita harus mempunyai jawapan untuk semua soalan ini walaupun jawapannya mungkin berbeza-beza. Hal ini demikian kerana guru merupakan antara insan yang penting dalam hidup kita, insan yang pernah melakarkan jalan hidup kita suatu masa dulu.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana
"Kenang Jasa dan Pengorbanan Guru Sepanjang Hayat"
oleh Zainor Said, *Berita Harian*, 15 Mei 2009.)

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkaian kata *terasa hati* dalam petikan. [2 markah]
- (ii) Nyatakan tindakan yang patut dilakukan terhadap bekas guru yang pernah menabur bakti dalam hidup kita. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah semakin banyak anggota masyarakat yang tidak mengendahkan bekas guru mereka? [4 markah]

Soalan 2(b) Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

PAK MAN : Oh, ya! Kakak kamu tak balik lagi, Sani?

SANI: (*Tenang*) Kak Ngah, susah rasanya. Maklumlah tinggal jauh. London! Bukan macam dari sini ke Alor Setar, Pak Man. Kak Teh tidak balik mungkin sebab susah hendak tinggalkan kedainya. Maklumlah orang berniaga.

PAK MAN : Sani, waktu-waktu seperti ini, kita tidak boleh berikan alasan. Apa cara sekalipun kita kena balik. Yang malang itu, bapa kamu. Yang sedang menderita itu, emak kamu. Inilah masanya kamu hendak balas budi orang tua kamu.

SANI: Betul cakap Pak Man. Saya pun ingat macam tu, tetapi apabila fikir fasal pekerjaan abang dan kakak, saya rasa mereka terikat. Jadi serba salah dibuatnya.

PAK MAN : Sani, pernah atau tidak kamu terfikir bagaimana seksanya seorang emak membesarkan anak-anaknya? Sakit peningnya? Tak tidur malamnya? Pakaiannya? Makan dan minumannya? Belanja sekolahnya? Pada fikiran kamu, ada atau tidak emak kamu itu lari daripada tanggungjawabnya? Aku rasa tidak. Tidak ada, Sani. (*Berhenti seketika untuk menyalakan rokoknya yang sudah padam*) Emak, ketika dia sakit, demam, atau dalam keadaan apa sekalipun, akan terus bertugas, bertugas tanpa henti kerana kasihnya tidak pernah putus. Tidak terbuka mulut emak kita untuk minta cuti, hendak minta dikecualikan daripada menjaga anak-anaknya. Inilah sifat mulia seorang ibu. Ingat Sani, daun dapat dilayang, getah jatuh ke perdu juga. Kalau emak sanggup berkorban, kenapa anak-anak tidak?

(Dipetik daripada drama “Tiang Cengal Dinding Sayung”
oleh Suriani Mohd. Yusof dalam
antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.)

- (i) Nyatakan **dua** contoh yang menunjukkan sifat mulia seorang ibu. [2 markah]
- (ii) Wajarkah kakak dan abang Sani tidak pulang apabila keluarga mereka ditimpa musibah? Berikan **tiga** alasan anda [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** persoalan dalam petikan dan **satu** persoalan lain dalam keseluruhan drama. [4 markah]

Soalan 2(c) Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Alkisah, maka tersebutlah perkataan Raja Kedah berkelahi dengan saudaranya di dalam negeri Kedah. Kemudian saudaranya yang tua Raja Kedah itu berkirim surat pula menyilakan Opu Daeng yang berlima bersaudara, silakan ke Kedah.

Maka tiada berapa antaranya maka muafakatliah Opu Daeng yang berlima bersaudara itu. Maka bersiaplah masing-masing dengan kelengkapannya serta dengan kenaikannya sebuah seorang.

Maka sampai waktu ketika yang baik, maka dilangkahkan dengan langkah *rijalul ghaib*. Maka belayarliah ke negeri Kedah. Serta sampai dipanggil oleh Yang Amtuan Raja Kedah masuk ke dalam kota. Maka berjumpalah dengan Yang Amtuan Kedah. Maka berjamu-jamulah santap nasi. Telah sudah santap air panas, maka Raja Kedah pun berkhabarlah, “Minta tolong perang, kerana saya berkelahi dengan saudara saya sebab berebutkan kerajaan.”

Khabar Raja Kedah, “Jikalau menang saya perang, saya berilah Opu Daeng yang berlima bersaudara, saya berilah seorang lima belas bahara.”

Kemudian dijawab oleh Opu Daeng, “Khabar Raja Kedah itu, saya minta cap tandatangan, dan mana-mana sekalian orang dagang yang datang dari Timur ada di dalam negeri Kedah ini, dan seperti Bugis dan Mengkasar dan Mandura semuanya itu diserahkan kepada saya perintahnya.”

(Dipetik daripada prosa “Hikayat Opu Daeng Menambun” dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka.)

- (i) Mengapakah Opu Daeng dan saudara-saudaranya diutus supaya datang ke Kedah oleh Raja Kedah? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** perjanjian yang dibuat oleh kedua-dua belah pihak sekiranya Raja Kedah berjaya mencapai hasratnya untuk memerintah negeri Kedah. [3 markah]

SULIT

- (iii) Pada pendapat anda, apakah kepentingan sesuatu perjanjian?
Berikan **tiga** kepentingan.

[3 markah]

Soalan 2(d) - Petikan Seloka

Baca seloka di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Seloka Emak Si Randang

Baik budi Emak Si Randang,
Dagang lalu ditanakkan,
Tiada kayu rumah diruntuhkan,
Anak pulang kelaparan,
Anak di pangku diletakkan,
Kera di hutan disusui,
Dagang pergi awak terhutang,
Beras habis padi tak jadi.

(Antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka.)

- (i) Berikan **tiga** bukti Emak Si Randang tidak bersikap rasional.

[3 markah]

- (ii) Apakah perkara yang perlu kita pertimbangkan apabila seseorang itu datang untuk meminta bantuan atau pertolongan kita?

Nyatakan **tiga** perkara tersebut.

[3 markah]

- (iii) Nyatakan **tiga** persoalan yang dapat diambil daripada seloka ini.

[3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) berketerampilan
- (ii) bertepatan
- (iii) membolosi
- (iv) mengimbangi
- (v) dihuru-harakan
- (vi) diputarbelitkan

[6 markah]

(b) *Tukarkan ayat bersusunan songsang di bawah ini kepada ayat bersusunan biasa tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Kerana kecekapannya menjalankan tugas beliau disegani.
- (ii) Dapat menghalang pelajar ponteng kelas pengajaran yang berkesan.
- (iii) Bergantung pada kegigihannya kejayaan seseorang itu.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pihak sekolah mengundang ibu bapa untuk datang ke sekolah bagi menandatangani rekod kemajuan pelajar sambil berbincang dengan guru-guru tentang prestasi akademi anak masing-masing.
- (ii) Beberapa orang pekerja Majlis Perbandaran telah menemui seorang bayi di stesyen bas dan mempercayai bahawa bayi itu telah ditinggalkan sejurus ia dilahirkan.

(iii) Penggambaran filem dokumentari tentang perjuangan tokoh-tokoh kemerdekaan sedang

SULIT

dilakukan dengan giatnya oleh Kementerian Penerangan Malaysia untuk ditayangkan sepanjang Bulan Kemerdekaan nanti.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Sebelum pembedahan dilakukan, pihak hospital hendaklah mematuhi estetika yang telah ditetapkan dalam mendapat pengesahan doktor pakar terlebih dahulu.
- (ii) Mahkamah Perlembagaan yang wujud di sesebuah negara mempunyai kuasa membuat keputusan sama ada sesuatu tindakan itu bertentangan dengan perlembagaan dan sebaliknya.
- (iii) Jika kita terlebih bayar kerana menyambut perayaan maka kita perlu mengurangkan perbelanjaan justeru kedudukan kewangan dapat diimbangi.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah ini dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud ayat tersebut.*

- (i) Apabila tidak tahu melakukan sesuatu kita tidak wajar berasa malu untuk meminta pendapat dan tunjuk ajar daripada orang yang arif tentang perkara itu.
- (ii) Mereka sangat berhati-hati apabila memperkatakan sesuatu hal rahsia agar perkara itu tidak diketahui oleh orang lain.
- (iii) Sesuatu yang susah itu sekiranya selalu dilakukan akhirnya menjadi mudah sahaja.

[6 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Papa ... (akhirnya kau tewas jua!)* karya Deana Yusof
- (ii) *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain

SULIT

(a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang dapat dikaitkan dengan persoalan maruah.

[7 *markah*]

(b) Berdasarkan **dua** novel yang anda pelajari, huraikan pengajaran dalam setiap novel tersebut.

[8 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT